

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 MAC 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9

Program TVET Junior diperluas

Program TVET Junior diperluas

KPLB sasar pelajar berusia 12 hingga 16 tahun ikuti kursus asas jangka pendek di 231 GiatMARA

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Padang Terap: Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) melalui GiatMARA memperkenalkan program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Junior di seluruh negara, secara berperingkat mulai tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata untuk permulaan, pihaknya menyasarkan seramai 5,000 pelajar berusia 12 tahun hingga 16 tahun mengikuti kursus asas jangka pendek yang ditawarkan di 231 GiatMARA seluruh negara.

Beliau berkata, setakat ini,

seramai 55 pelajar sudah menerima kursus latihan asas TVET di GiatMARA Padang Terap selama lima hari selepas ia dilancarkan pada 13 Mac lalu.

"Menerusi program TVET Junior, pelajar menjalani latihan atau kursus asas jangka pendek selama dua atau tiga hari pada hujung minggu atau cuti sekolah.

"Antara kursus yang ditawarkan adalah asas kemahiran seperti pendawalan elektrik, membali basikal, latihan masakan seperti membuat kek dan jahitan. Tujuannya adalah untuk berdedahan awal kepada mereka mengenai TVET, selain mereka boleh buat sendiri di rumah jika berlaku kerosakan mudah," katanya ketika ditemui selepas Program Walkabout dan Penyampaian Sijil TVET Junior@Padang Terap di GiatMARA Padang Terap, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mahdzir berkata, pihaknya berharap program itu dapat menarik minat lebih ramai pelajar untuk mengikuti program TVET sehingga peringkat tertinggi bagi memenuhi permintaan industri.

Katanya, GiatMARA turut bekerjasama dengan Pejabat Pendi-



Mahdzir selepas Program Walkabout dan Penyampaian Sijil TVET Junior@Padang Terap di GiatMARA Padang Terap, semalam.

(Foto Lugman Hakim Zubir/BH)

dikan Daerah (PPD) serta ketua kampung bagi memudahkan pelajar yang berminat menyertai program berkenaan.

Beliau berkata, program itu dilaksanakan secara berperingkat, mengikut kemampuan kerajaan ia membabitkan modal untuk membeli bahan latihan kepada pelajar terbabit.

"Kita juga sediakan makan

minimum serta sijil. Selepas tamat kursus, pelajar boleh pilih sama ada mahu teruskan belajar kemahiran ke peringkat tertinggi atau belajar dalam akademik," katanya.

Sementara itu, Mahdzir berkata, KPLB sedia memainkan peranan dalam memacu kolaborasi antara institusi TVET, kerajaan dan industri.

"Kita faham kehendak Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, ketika melancarkan Badan Koordinasi TVET-Kerajaan-Industri (GITC), baru-baru ini.

"Jadi, kita akan pastikan pelajar mampu penuhi kehendak industri seperti dalam bidang minyak dan gas, automotif dan perkapalan," katanya.